

**PEMBERIAN DAN PENERIMAAN WANG
SAGUHATI/UPAH DALAM PERLAKSANAAN
IBADAH DI KALANGAN MASYARAKAT
MELAYU: SATU PENELITIAN**

Oleh:
Rushdi Ramli
Luqman Hj. Abdullah

Pendahuluan

Artikel ini akan membincangkan budaya wang upah atau saguhati dikalangan masyarakat Melayu dalam pelaksanaan ibadah. Isu ini sebenarnya antara isu yang tersisih dari segi perhatian masyarakat umum dan skopnya juga tidak luas. Walau bagaimanapun, artikel ini bukanlah satu hasil kajian yang menyeluruh tentang budaya yang dimaksudkan tetapi lebih merupakan satu analisis berasaskan pengalaman dan pengamatan dalam masyarakat Melayu Malaysia. Manakala budaya yang disentuh pula bukan merupakan apa yang diamalkan oleh semua lapisan masyarakat Melayu tetapi merupakan budaya sebahagian dari mereka dan disebahagian tempat sahaja. Dalam menangani isu ini, penulis akan mengengahkan beberapa aspek perbincangan iaitu, asas *fiqh* berkenaan upah dalam melakukan ibadah, amalannya dalam masyarakat Melayu, dan juga pengaruh budaya tempatan atau *'urf* dalam pembinaan hukum amalan tersebut dalam masyarakat Melayu.

Asas Fiqh

Sebagai landasan kepada persoalan yang akan dianalisiskan, diutarakan di sini peruntukan-peruntukan hukum yang ada dalam *fiqh* tentang upah melakukan ibadah. Dalam *fiqh*, upah diistilahkan sebagai *ijarah*. Dari segi penggunaan istilah, ia juga merangkumi sewa. Takrif *ijarah* yang paling mudah difahami ialah sebagaimana yang diberi oleh fuqaha Hanafi iaitu suatu aqad untuk pemilikan

Luqman Hj. Abdullah

manfaat dengan suatu tukaran tertentu.¹ Takrif ini merujuk kepada suatu kontrak antara dua pihak atau pun lebih untuk mendapatkan sesuatu manfaat atau pun perkhidmatan di mana manfaat tersebut akan ditukar ganti dengan sesuatu yang dipersetujui bersama. Dalam membincangkan kontrak *al-Ijārah* ini, para fuqaha juga mengupas isu upah dalam melakukan perkara-perkara ibadah. Persoalan yang timbul ialah adakah ibadah itu boleh dianggap sebagai manfaat yang boleh ditukar ganti dengan sesuatu benda?

Meneliti penulisan fuqaha dalam setiap mazhab, didapati mereka bersepakat mengenai ketidakharusan mengambil upah untuk melaksanakan ibadat-ibadat wajib seperti solat dan puasa. Ini adalah kerana ibadat-ibadat seumpama ini sememangnya telah diwajibkan secara asalnya ke atas setiap individu untuk melakukannya. Cuma di dalam persoalan ibadah haji, majoriti ulama mengatakan harus diupah untuk golongan yang tidak berdaya dan bagi mereka yang sudah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat dalam ibadah-ibadah yang lain seperti, mengajar Quran dan ilmu agama, menjadi imam dan muazzin, menguruskan jenazah, membaca Quran, zikir dan tahlil kepada si mati. Boleh dikatakan persoalan upah dalam ibadah yang dibincangkan oleh para fuqaha hanya berkisar kepada ibadah-ibadah yang disebut di atas sahaja. Di samping itu, perbincangan *fiqh* dalam isu ini tidak mengambil ruang yang luas dan lokasinya dalam penulisan *fiqh* adalah sangat terencil. Kebanyakan penulisan *fiqh* meletakkannya di akhir perbincangan bab *ijārah* atau bab *ju'alah*, di samping mengemukakan contoh-contoh kecil dalam bab-bab lain di mana berkenaan. Isu utama yang dibincangkan selalunya berkisar kepada persoalan mengambil upah untuk mengajar Quran dan dari isu inilah dikembangkan kepada persoalan ibadat-ibadat yang lain.

Untuk memudahkan perbincangan, penulis akan membuat huraian isu-isu di atas dalam konteks setiap mazhab. Manakala isi perbincangan pula hanya tertumpu kepada prinsip-prinsip umum yang dikira perlu sahaja. Sebagai pembuka kepada perbincangan ini, penulis akan memulakan dengan mazhab Hanafi. Terdapat dua fatwa mazhab Hanafi yang dominan dalam dua peringkat masa

¹ Ibn 'Abidin (1994), *Radd al-Mukhtār*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jil. 9, h. 4.

yang berbeza iaitu fatwa ulama-ulama *mutaqaddimin* dan ulama-ulama *muta'akhirin*. Mengikut fatwa ulama *mutaqaddimin* pengambilan upah di dalam melakukan perkara ketaatan kepada Allah adalah tidak harus. Hujah yang dikemukakan ialah amalan ketaatan kepada Allah adalah menjadi tugas setiap muslim yang mana ianya tidak sah untuk dijadikan subjek dalam kontrak *Ijārah*. Menurut mereka, manfaat tugas yang dilakukan adalah dikira ke atas pelaku tersebut dan bukannya ke atas orang yang memberi upah. Antara hujah mereka ialah berdasarkan hadith Nabi s.a.w. (bermaksud): "*Hendaklah kamu membaca al-Quran dan jangan kamu mencari makan dengannya.*" Mereka melanjutkan lagi hujah berdasarkan pesanan Saidina 'Umar kepada 'Amr bin al-'Ās yang mengatakan: "*Sekiranya kamu ingin melantik seorang muazzin, makan janganlah orang yang dilantik itu mengambil upah di atas tugas azannya itu.*"² Berdasar kepada fatwa *mutaqaddimin* ini ketidakharusan kontrak upah tersebut adalah merangkumi semua jenis ibadah.

Manakala golongan *muta'akhirin* pula memfatwakan keharusan mengambil upah dalam setengah-setengah ibadah dan keharusan ini pula hanyalah dalam keadaan-keadaan darurat dan mendesak. Fatwa ini jelas menyalahi fatwa Imam Abū Hanīfah sendiri dan fatwa dua orang muridnya iaitu Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥammad al-Syaybāni. Bagi golongan ini mereka mengharuskan upah mengajar Quran kerana dibimbangi pengajaran al-Quran akan diabaikan jika tidak diajar kepada umat Islam. Mereka mengunjurkan juga keharusan ini kepada upah mengajar ilmu agama, menjadi imam, muazzin dan memberi peringatan keagamaan kerana sekiranya pengambilan upah tidak dibenarkan di dalam perkara-perkara ini adalah ditakuti amalan-amalan tersebut akan diabaikan di dalam masyarakat. Dalam mengukuhkan lagi pendapat ini, golongan *muta'akhirin* mengatakan bahawa hukum-hukum adalah berbeza dengan berbezanya masa. Ertinya, fatwa *mutaqaddimin* di atas sudah tidak relevan kerana zaman telah berubah dan perlu kepada modifikasi supaya urusan agama tidak terabai. Mengikut pengarang *Majma' al-Anhur*, keharusan ini sebenarnya berdasarkan kepada hujah *istihsān* yang diterima pakai dalam mazhab Hanafi. Dalam *al-Hidāyah* ada disebut bahawa pandangan *muta'akhirin* inilah

² *Ibid.*, Jil 9, hh. 76-7.

yang difatwakan dalam mazhab Hanafi iaitu setelah mengambil kira keperluan yang mendesak pada masa tersebut yang mana telah berlaku pengabaian dalam hal-hal agama.³

Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan yang dianggap tidak mencapai tahap darurat dan mendesak seperti membaca Quran di atas kubur, di tempat kenduri, di rumah-rumah anak yatim, bertahlil, dan sebagainya, golongan *muta'akhirin* masih berpegang kepada fatwa yang tidak mengharuskan pengambilan upah bagi amalan-amalan tersebut. Mereka berhujah bahawa dalam ibadah tersebut tidak ada sebarang keperluan dan ia bukanlah perkara yang mendesak untuk dilakukan.⁴ Ternyata fatwa keharusan upah dalam ibadah oleh golongan *muta'akhirin* hanyalah dalam bidang kritikal sahaja. Dalam perkara-perkara yang bukan kritikal, fatwa golongan *mutaqaddimin* masih lagi diguna pakai. Ini adalah bersesuaian dengan kaedah "keperluan yang mendesak itu mestilah diukur dengan yang sepatutnya."

Satu lagi persoalan yang dibincangkan yang ada kaitan di sini ialah mengenai upah untuk *ruqyah* (merawat). Bagi mazhab Hanafi, walaupun upah membaca Quran dalam perkara yang bukan mendesak adalah tidak harus tetapi dalam persoalan *ruqyah* mereka menerima keharusan mengambil upah sekalipun dimaklumi bahawa *ruqyah* adalah secara kebiasaannya melibatkan pembacaan ayat-ayat Quran. Bagi mereka keharusan ini bukan atas dasar "keperluan yang mendesak" tetapi adalah berdasarkan kepada hadith yang menyebut secara khusus bahawa Rasulullah s.a.w mengizinkan pengambilan apa-apa habuan dari usaha *ruqyah* yang dibuat. Tambahan lagi dalam persoalan *ruqyah* bukannya perbuatan membaca Quran yang menjadi subjek hukum atau dilihat sebagai manfaat tetapi apa yang dilihat di sini ialah "usaha-usaha rawatan dan pengubatan yang dilakukan," di mana menurut mereka, pengambilan upah kerana rawatan dan perubatan sememangnya dibolehkan syarak.⁵ Oleh itu mazhab Hanafi tidak mengqiayakan

³ Ibid., Jil 9, hh. 76-77; Qādi Zādah (1995), *Takmilah Fath al-Qadīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Jil. 9, h. 100.

⁴ Ibid., Jil 9, h. 76.

⁵ Al-Jaziri (1998), *Kitab al-Fiqh 'alā al-Madhāhib 'al-Arba'ah*, Riyadh: Dār al-Nafā'is. Jil. 3, hh. 105-106.

upah mengajar al-Quran dengan *ruqyah* yang diharuskan oleh Rasulullah.

Dalam mazhab Mālikī, terdapat *khilaf* tentang upah dalam amalan-amalan yang disebutkan di atas. *Khilaf* dalam hal ini adalah berasas kepada prinsip yang dipakai oleh pihak-pihak yang berselisih tentang sampai atau tidak pahala amalan tersebut kepada si mati. Bagi mereka yang mengatakan sampai pahala kepada si mati dengan melakukan amalan-amalan tersebut dihukumkan sah upah untuk ibadah tersebut. Manakala mereka yang berpendapat tidak sampai pahala kepada si mati menghukumkannya sebagai tidak sah.⁶ Oleh kerana persoalan sampai pahala atau tidak kepada si mati adalah di luar perbincangan ini, maka penulis tidak bermaksud untuk memanjangkan perbincangan ini. Memadai disebut di sini pendapat Ibn Farhūn yang mengatakan pendapat yang rajih ialah sampai pahala amalan-amalan tersebut kepada si mati, dan dengan itu beliau menerima keharusan upah untuk amalan tersebut.⁷

Mengenai amalan-amalan fardhu kifayah seperti memandi, mengkafan dan mengkebumikan mayat telah disepakati dalam mazhab Mālikī keharusan upah untuk pelaksanaannya. Cuma dalam isu sembahyang mayat, pendapat Ibn 'Abd al-Salām yang disokong oleh sebahagian fuqaha Mālikī mengatakan tidak harus diupah kerana ia adalah ibadat semata-mata yang berbeza dengan urusan kematian yang lain seperti memandi, mengkafan dan mengkebumi yang mempunyai unsur lain selain dari ibadah. Contohnya, memandi selain dari unsur ibadah ia juga mempunyai unsur kerja membersihkan, oleh itu ia boleh diupah.⁸ Bagi pendapat ini, walaupun sembahyang mayat itu adalah fardu kifayah yang termasuk dalam senarai urusan menyelenggarakan jenazah tetapi ia adalah berbeza dengan urusan jenazah yang lain.

Dalam amalan seperti mengajar Quran, menyebarkan ilmu, mengimamkan sembahyang, dan menjadi muazzin, majoriti fuqaha Mālikī menghukumkan harus mengambil upah. Pengarang *al-Kāfi*

⁶ Al-Jaziri, *ibid.*, Jil. 3, h. 108.

⁷ Al-Sāwī (1988), *Bulghat al-Sālik li Aqrab al-Masālik*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, Jil. 2, h. 265.

⁸ *Ibid.*

menyebutkan bahawa adalah menjadi amalan sebahagian penduduk Madinah memberi upah untuk mengimamkan sembahyang. Dalam hal ini, mereka melihat dari sudut upah itu adalah menepati syarat kontrak upah iaitu kontrak untuk suatu pekerjaan dan upah yang ditentukan. Ini bermakna mazhab Māliki menganggap upah untuk ibadah tersebut sebagai suatu kontrak transaksi dan tidak melihatnya dari sudut ibadat. Ini boleh dikesani juga dari hujah mereka yang menggiyaskan upah mengajar Quran dengan upah menyusu bayi sebagaimana disebut dalam *al-Kāfi*. Dalam kes upah menyusu bayi, walaupun tidak dapat diketahui dengan tepat jumlah susu yang diberi tetapi kontrak upah adalah sah kerana ia telah menjadi 'urf di kalangan orang ramai dan di sini tidak timbul soal *gharar*. Menurut mereka, perkara yang sama diaplikasikan kepada kontrak upah mengajar al-Quran.⁹ Walau bagaimanapun, mengenai persoalan mengajar ilmu agama, di dalam *al-Mudawwanah* yang mewakili mazhab Māliki ada dinyatakan bahawa makruh mengambil upah kerana dibimbangi akan berkurangnya penuntut ilmu agama dan pada masa yang sama, menyalahi pula amalan generasi *Salaf al-Sālih*. Ini berlainan dengan upah mengajar Quran kerana manusia memang berminat untuk mempelajari al-Quran dan terdapat hadith yang mengharuskannya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w: "Sesungguhnya perkara yang paling wajar untuk kamu mengambil upah terhadapnya ialah kitab Allah."¹⁰

Seterusnya kita lihat pula perbincangan dalam mazhab Syāfi'i. Isu perbincangan adalah sama dengan isu di atas. Secara umumnya, mazhab Syāfi'i menghukumkan sah upah dalam amalan-amalan ibadat seperti mengajar Quran, membaca Quran untuk orang mati, menjadi imam, khatib dan pengurusan jenazah. Dalam persoalan membaca Quran, upah mestilah berdasarkan tempoh, contohnya selama sebulan, dan bukannya berdasarkan jumlah ayat yang diajar. Mengenai upah mengimamkan sembahyang terdapat juga sebahagian fuqaha Syāfi'i yang berpendapat tidak sah upah. Namun begitu, bagi fuqaha yang mengharuskannya mengatakan dihukumkan sah upah bukan atas asas perbuatan sembahyang sebagai subjek upah tetapi atas asas tenaga yang digunakan untuk

⁹ Al-Namiri, Abu 'Umar (1986), *Al-Kāfi fi Fiqh Ahl al-Madinah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah: al-Namiri, hh. 374-375.

¹⁰ Al-Sāwī, *op.cit.*, h. 265.

menghadiri ke tempat sembahyang yang telah ditentukan dan juga atas keterikatan dengan masa yang telah ditentukan. Justifikasi yang sama digunakan untuk masalah upah membaca khutbah. Begitu juga dengan azan, iqamah, berzikir dan bertahlil, adalah sah upah sekiranya amalan tersebut boleh dianggap satu bebanan yang dilihat munasabah diberi upah. Dalam persoalan pengurusan jenazah pula hanya sembahyang jenazah sahaja yang difatwakan sebagai tidak harus upah ke atasnya, tetapi dalam soal memandi, mengkafan dan menggali kubur dihukumkan harus mengambil upah.¹¹

Mengikut mazhab Hanbali pula adalah tidak sah kontrak upah untuk melakukan ibadah seperti mengajar al-Quran, fiqh, hadith, dan menjadi imam atau muazzin. Pandangan ini adalah sama dengan pandangan golongan *mutaqaddimin* mazhab Hanafi. Tetapi mereka mengatakan sah sekiranya kontrak tersebut adalah *ju'alah*. Begitu juga harus sekiranya habuan yang diambil atas asas waqaf untuk perkara-perkara ketaatan yang memberi manfaat kepada orang lain seperti seseorang mewakafkan sesuatu kepada seseorang yang bekerja menjadi imam, muazzin atau mengajar Quran. Apa-apa habuan yang diambil dalam konteks ini bukan dikira sebagai upah dan ia tidak mengubah status kerja tersebut sebagai ibadah, bahkan ia dianggap sebagai membantu melaksanakan perkara ketaatan. Berdasarkan pendapat ini, mazhab Hanbali sebenarnya melihat dari sudut kesahan kontrak sahaja dan bukannya pelaksanaan tersebut. Walaupun dari segi pelaksanaannya adalah dianggap upah kerana pemberian habuan adalah sebagai tukaran kepada tugas yang dilakukan tetapi oleh kerana kontrak disebut sebagai *ju'alah* atau waqaf ia tidak merangkumi upah atau yang diistilahkan sebagai *ijarah*. Kesimpulannya, pemberian wang atau apa-apa material sebagai tukaran kepada tugas ibadah yang dijalankan adalah harus atas asas *ju'alah* atau waqaf.¹²

Daripada perbincangan di atas, didapati masalah upah dalam ibadah adalah masalah yang menjadi perselisihan para fuqaha. Secara umum kita boleh katakan fuqaha *mutaqaddimin* mazhab

¹¹ Al-Syarbīnī (1997), *Mughni al-Muhtāj*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, Jil. 2, hh. 442-443; Al-Suyūṭī (t.t.), *al-Asybah wa al-Nazā'ir*, Makkah: Maktabah Nizar; Qalyubi: t.t.: 3/73.

¹² Ibn Qudāmah (t.t.), *al-Mughni*, Amman: Dār al-Fikr, Jil. 6, hh. 140-143.

Ḥanafi, sebahagian fuqaha Mālikī dan mazhab Ḥanbalī berpendapat tidak harus upah dalam ibadah. Manakala mazhab Syāfi'ī, fuqaha mutakhir mazhab Ḥanafi dan sebahagian fuqaha mazhab Mālikī berpendapat harus upah dalam ibadah. Begitu juga mazhab Ḥanbalī mengatakan harus upah atas asas *ju'alah* atau waqaf. Walau bagaimanapun golongan *muta'akhirin* mazhab Ḥanafi hanya mengkhususkan keharusan tersebut kepada soal-soal yang mendesak sahaja seperti pengajaran al-Quran, penyebaran ilmu, menjadi imam dan muazzin. Kebanyakan penulisan moden menyimpulkan bahawa pendapat yang mengatakan harus upah dalam isu-isu di atas merupakan pendapat jumhur fuqaha. Dalam konteks masyarakat Melayu, penulis berkecenderungan untuk memilih pendapat yang mengharuskan upah dalam ibadah-ibadah yang dibincangkan tadi. Ini memandang kepada suasana umat Islam negara ini yang mana dalam beberapa hal pemberian wang untuk kerja ibadah yang dilakukan telah menjadi budaya masyarakat dan telah diterima sebagai suatu yang normal. Dalam beberapa hal yang lain ia telah menjadi satu keperluan. Walau bagaimanapun, jika merujuk kepada pengamalan di Malaysia kesimpulan ini masih lagi bersifat umum dan perlu dilihat dalam konteks setiap isu. Untuk lebih jelas, perbincangan yang berikut akan cuba meneliti beberapa isu yang menjadi amalan masyarakat kita.

Amalan Upah Untuk Pelaksanaan Ibadah Dalam Masyarakat Melayu dan Ulasan Hukum

Merujuk kepada amalan upah ibadah dalam masyarakat Melayu, terdapat banyak amalan yang berasaskan upah atau paling kurang pemberian wang saguhati. Dalam bahagian ini, penulis akan bahagikan isu ini kepada beberapa kategori yang kemudiannya akan dianalisis dari perspektif hukum dan suasana semasa.

1. Dakwah dan penyebaran ilmu agama

Dalam urusan dakwah, kita dapati amalan pemberian upah ini hampir menjadi sesuatu yang sehati dalam budaya masyarakat Melayu Islam. Malah kita mendapati sebahagian daripada pendakwah-pendakwah tersebut menyara kehidupan mereka melalui wang yang mereka terima. Dalam kategori ini termasuklah

mengadakan kuliah agama di masjid-masjid, di pejabat-pejabat kerajaan atau mengajar agama atau Quran dari rumah ke rumah, menjadi ahli panel forum-forum agama yang dianjurkan oleh berbagai pihak dan sebagainya. Dalam bentuk yang lebih profesional pula ialah seperti bekerja sebagai pensyarah ilmu-ilmu Islam yang dibayar gaji bulanan dan elaun, membuka syarikat perunding khusus untuk memberi khidmat bimbingan agama, membuka talian agama yang diiklan melalui akhbar-akhbar, mengadakan program kursus-kursus perkahwinan secara berbayar dan sebagainya. Begitu juga, dalam pengkorporatan institusi pengajian tinggi di Malaysia di mana bidang pengajian Islam turut terheret untuk melibatkan diri dalam dunia komersialisasi ilmu, kalau kita lihat amalan-amalan yang disebutkan tadi adalah suatu bentuk budaya dakwah baru yang sebahagiannya dibuat dalam bentuk komersial. Dari satu sudut seolah-olah usaha dakwah yang dilakukan adalah bukannya untuk menyebarkan ilmu Allah yang suci itu tetapi untuk tujuan menyara hidup atau ada juga memang untuk membina kekayaan.

Ulasan

Berhubung dengan isu ini, suka penulis menarik perhatian kepada pandangan ulama' yang telah dibincang di atas tadi. Sebagaimana yang didedahkan jumhur ulama' mengharuskan pengambilan upah dalam soal pengajaran al-Quran dan penyebaran ilmu agama. Atas asas pandangan ini, penulis berpendapat apa yang berlaku dalam masyarakat kita yang melibatkan pemberian dan penerimaan wang untuk kerja dakwah dalam sebarang bentuk adalah harus di sisi syarak. Mungkin tidak ramai orang yang boleh menerima pandangan ini kerana melihat kepada tanggungjawab dakwah yang mesti dilakukan oleh mereka yang berilmu semata-mata kerana Allah. Memang berdakwah kerana Allah adalah satu prinsip yang utama dan teras tetapi perbincangan fiqh sebenarnya melihat dari sudut kontrak upah yang bersifat luaran sahaja. Apabila sesuatu kontrak itu cukup syarat dan rukunnya, maka ia adalah dikira sah. Dalam konteks ini, persoalan ikhlas adalah persoalan kedua yang tidak ada sesiapa yang boleh menentukannya kerana ia adalah persoalan hati. Ia terserah kepada hati pendakwah tersebut dan bukannya boleh dihukum secara ilmu fiqh. Tambahan

pula dalam banyak kes seperti kuliah agama di masjid-masjid, ceramah agama di tempat-tempat tertentu dan seumpamanya, pemberian wang adalah dalam bentuk hadiah atau *hibah* bukannya upah. Penentuan ini adalah berasaskan hukum masyarakat setempat yang tidak menganggap wang yang diberi itu sebagai upah, walaupun kadang-kadang telah terdapat satu standard jumlah wang yang diberi yang memang diketahui oleh pihak yang memberi khidmat.

Al-Qurtubi ketika mengulas ayat 41 dari surah al-Baqarah yang bermaksud: *"Dan jangan kamu membeli dengan ayat-ayatKu dengan harga yang murah,"* telah mentarjihkan pendapat yang mengatakan harus mengambil upah untuk mengajar al-Quran. Beliau telah membawa hadith: *"Upah yang kamu paling berhak ambil ialah upah untuk kitab Allah,"* untuk menguatkan hujahnya dan beliau juga mengatakan hadith ini sebagai kata putus kepada khilaf dalam isu upah mengajar Quran. Tentu sekali kita boleh mengaplikasikan juga pendapat ini untuk tujuan pengajaran ilmu agama dan dakwah. Lebih-lebih lagi keadaan semasa hari ini di mana usaha-usaha dakwah perlu dilakukan secara profesional dan sistematik yang melibatkan perbelanjaan yang tidak kecil, justeru mewajarkan pengharusan pembayaran upah. Hakikat ini sekali gus mengukuhkan lagi pendapat jumbuh ulama. Untuk itu adalah munasabah untuk meminta gajaran atas keperluan ini. Di samping itu, keselesaan hidup pendakwah juga perlu diambil kira demi kelangsungan dakwah. Dalam dunia maju hari ini keperluan harian menjadi semakin bertambah yang memerlukan perbelanjaan yang besar, lebih-lebih lagi di bandar-bandar besar. Jika sekiranya pendakwah tidak dibenarkan mengambil upah atas khidmat yang diberikan tentu sekali keadaan ini akan membantutkan kerja dakwah kerana pendakwah tersebut perlu memperuntukkan masa yang lebih untuk mencari nafkah hidup.

Walau bagaimanapun, perlu ditekankan juga di sini tentang jumlah upah yang dikenakan untuk khidmat dakwah tersebut. Adalah sesuatu yang tidak wajar sama sekali sekiranya jumlah upah yang dikenakan adalah terlalu tinggi. Keharusan upah sebagaimana yang dihurai di atas adalah atas asas kelangsungan dakwah. Sekiranya upah yang dikenakan terlalu tinggi yang melebihi

keperluan dakwah dan pendakwah tersebut atau boleh menindas pihak yang memerlukan khidmat pendakwah, ia akan menenggalakan pula proses dakwah kerana ia boleh menyebabkan manusia menjadi semakin liar dengan ilmu agama. Mungkin dalam konteks inilah maksud hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam *Musnad* yang berbunyi: *"Bacalah al-Quran dan pintalah kepada Allah dengannya, maka sesungguhnya akan datang suatu kaum selepas kamu yang membaca al-Quran dan meminta dengan manusia."*

2. Urusan perkahwinan

Antaranya ialah pemberian wang kepada seorang imam untuk mengaqad nikahkan pengantin. Nikah sebagaimana yang diketahui adalah suatu ibadat yang sangat besar dalam agama, dan rukun yang penting sekali ialah aqad. Justeru, dengan sahnya aqad tersebut akan menghasilkan kesan hukum yang banyak. Yang jelas amalan upah aqad nikah ini tidak pernah berlaku di zaman Rasulullah dan di zaman awal Islam. Amalan lain yang berlaku dalam masyarakat Melayu ialah memberi wang kepada tuan rumah semasa menghadiri kenduri kahwin. Mengadakan kenduri itu adalah disunatkan dan menghadiri kenduri itu juga adalah suatu yang dituntut, sebagaimana disebut di dalam hadith: *"Buatlah kenduri kahwin walaupun dengan seekor kambing."* Bagaimana pun, di setengah-setengah tempat khususnya di Kelantan wujud istilah yang dipanggil "mengelan". Istilah ini sebenarnya bukan merujuk kepada upah dalam erti yang dibincangkan sebelum ini, tetapi ia adalah merujuk kepada amalan memberi wang kepada tuan rumah pengantin selepas seseorang itu dijemput untuk menghadiri walimah. Apa yang berlaku dalam masyarakat khususnya di kampung-kampung kenduri kahwin telah diguna sebagai satu cara untuk mendapat keuntungan dan bukannya pelaksanaan kepada tuntutan hadith Rasulullah. Manakala orang yang dijemput pula apabila menerima kad jemputan yang dipanggil akan merasakan sebagai suatu tanggungjawab untuk hadir dan memberi duit "mengelan". Rasa keterpaksaan untuk "mengelan" boleh dilihat apabila orang yang dijemput tidak dapat hadir, duit "mengelan" akan dikirim melalui orang yang akan hadir.

Ulasan

Dalam soal pemberian wang kepada imam untuk aqad nikah, penulis berpendapat ia tidak boleh diklasifikasikan sebagai upah tetapi berdasarkan 'urf. Ia lebih bersifat wang hadiah dari pihak pengantin sebagai tanda terima kasih.

Mengenai amalan mengadakan kenduri kahwin untuk tujuan membuat keuntungan atau "mengelan" yang berlaku di Kelantan atau di tempat-tempat lain, penulis berpendapat ia telah terkeluar dari tuntutan sunnah Rasul yang menggalakkan melakukan jamuan tanpa meraih apa-apa keuntungan seperti yang disebut oleh Rasulullah "...sekalipun dengan seekor kambing." Rasulullah menyebut seekor kambing adalah merujuk kepada galakan untuk membuat jamuan sebagai perisytiharan perkahwinan, walaupun jamuan itu tidak secara besar-besaran. Sekiranya bertujuan mengaut keuntungan, maka ia bukan lagi untuk perisytiharan perkahwinan yang dikira ibadah. Jadi, walaupun dari segi pengamalannya diguna istilah walimatul urus dan memang dari segi adatnya diterima sebagai walimatul urus tetapi ia tidak menepati konsep walimah sebagaimana yang dikehendaki oleh Rasulullah. Ini bermakna bukan semua adat yang sehati dalam masyarakat boleh dianggap menepati kehendak syariat, walaupun diberi nama yang menyerupai ibadah tertentu.

3. Urusan kematian

Pemberian upah berlaku dari mula memandikan mayat sehingga kepada mayat dihantar ke kubur. Dalam pemerhatian penulis, di negeri Kelantan terdapat amalan "wang sembahyang jenazah." Lazimnya wang tersebut akan disediakan oleh waris si mati atau terdapat juga si mati yang telah mewasiatkan sejumlah wang tertentu untuk urusan kematiannya, termasuklah wang sembahyang jenazah. Dalam pengamalannya, wang ini akan diletakkan dalam sampul surat kecil dan akan dimasukkan ke dalam poket setiap orang yang hadir untuk sembahyang jenazah selepas selesai ibadah tersebut. Terdapat juga di sebahagian tempat, wang tersebut disertakan juga dengan satu bungkus nasi atau air dalam tin. Selepas jenazah selesai dikebumikan ada juga di setengah tempat diadakan majlis baca Quran untuk dihadiahkan pahala kepada si mati dan upah akan diberi kepada mereka yang membaca Quran

tersebut. Ini dilakukan sama ada di atas kubur atau di rumah si mati tersebut. Kebiasaannya waris si mati akan menjemput individu-individu tertentu untuk tujuan ini seperti pelajar agama atau ahli surau.

Ulasan

Mengenai persoalan upah untuk sembahyang jenazah, di dapati pendapat dalam mazhab Syāfi'i dan juga mazhab Hanafi adalah tidak harus diupah kerana ia bersifat fardu kifayah. Perkara penting perlu diambil perhatian di sini ialah apa yang berlaku dalam masyarakat Kelantan ialah pemberian wang tersebut bukannya bersifat upah tetapi lebih kepada wang hadiah atau *hibah* daripada waris si mati atau wang yang telah diwasiatkan oleh si mati untuk urusan jenazahnya. Ini bermakna 'urf masyarakat telah menghukumnya sebagai hadiah atau *hibah*. Oleh itu bagi penulis, pemberian wang kepada orang yang hadir untuk solat jenazah adalah harus atas asas ia adalah wang hadiah atau *hibah* dan bukannya upah. Penulis juga tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan ia adalah *bid'ah* atas asas ia tidak dilakukan di zaman Rasulullah. Ini kerana penerimaan masyarakat tempatan terhadap amalan tersebut adalah dalam lingkungan kerangka budaya Melayu yang bersifat suka menderma dan tolong menolong hendaklah juga diambil kira. Selagi ia tidak menyalahi nas yang *surih*, maka ia adalah harus.

Dalam soal pemberian wang bagi membaca Quran untuk si mati, pendapat mazhab Syāfi'i dan sebahagian fuqaha Māliki mengharuskan amalan memberi upah untuk ibadah tersebut. Sekalipun, mungkin ada orang yang tidak boleh menerima pandangan mazhab Syāfi'i dan Māliki tersebut tetapi perlu juga diambil perhatian bahawa dalam masyarakat kita pemberian wang tersebut juga lebih disifatkan sebagai hadiah atau *hibah* dan bukannya upah, sebagaimana kes wang sembahyang jenazah. Oleh itu ia bukanlah suatu yang haram.

Dalam masyarakat Melayu pemberian upah sebenarnya berlaku dalam urusan memandi, mengkafan dan menggali kubur. Mungkin ini disebabkan dalam urusan tersebut tidak ramai orang yang berkemampuan untuk melakukannya. Oleh itu, ia mesti diupah

untuk penyelenggaraannya. Mengenai hal ini memang telah terdapat penjelasan oleh majoriti fuqaha tentang keharusannya.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas kita boleh membuat beberapa kesimpulan. Antaranya ialah pemberian upah dalam ibadah adalah mempunyai asasnya dalam fiqh. Walaupun di sana ada pendapat yang pro dan kontra tetapi dalam konteks Malaysia, penulis merasakan pendapat jumhur yang mengharuskan upah dalam ibadah, khususnya dalam aspek pengajaran Quran dan ilmu agama, adalah sangat sesuai untuk diterima atas asas kepentingan umat Islam. Dalam aspek lain, seperti dalam pengurusan jenazah iaitu pemberian "wang solat jenazah" nampaknya budaya masyarakat memainkan peranan dalam penentuan hukum iaitu telah meletakkannya dalam klasifikasi *hibah* atau hadiah. Berlainan pula dengan kedudukan "mengelan", nampaknya budaya tersebut adalah sesuatu yang tidak menepati ruh "walimatul urus" seperti yang disarankan oleh Rasulullah, walaupun adanya pengaruh budaya tempatan dalam masalah tersebut.

A. A. ABUSAMAH
Abdullah

HUBUNGAN BUDAYA DAN HUKUM: TUMPUAN KHUSUS TERHADAP PERUBAHAN AMALAN PERTANIAN PADI DI KEDAH DAN KESANNYA KEPADA IBADAT ZAKAT PADI

Oleh:

Mohd Liki bin Hamid

Pendahuluan

Perubahan adalah fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan manusia. Perubahan adakalanya berlaku dalam skala mikro dan adakalanya berlaku dalam skala makro. Sudah menjadi lumrah, sesuatu perubahan apabila sudah diterima oleh ramai orang akan bertukar menjadi kebiasaan. Manakala kebiasaan yang diulang-ulang akan menjadi adat dan budaya. Dalam syariat Islam, adat budaya atau dalam istilah *fiqh* disebut sebagai '*urf*' mempunyai kedudukan dan kepentingan yang tersendiri yang sekian lama telah menjadi perbincangan di kalangan para ulama dan ahli hukum. Dalam ilmu *qawā'id fiqhiiyyah*, ada kaedah yang menyebut *al-'Ādah Muḥakkamah* iaitu adat atau budaya boleh dijadikan sumber rujukan dalam penetapan hukum syarak dalam sesuatu kes yang tidak ada nas.¹

Konsep dan Pengertian '*Urf*' (Adat)

Terdapat pelbagai pandangan dan pendapat mengenai maksud '*urf*' dan adat. Namun secara umumnya kebanyakan ulama bersetuju bahawa '*urf*' dan adat mempunyai makna yang sama. Antara tokoh ulama yang berpendapat sedemikian antara lain

¹ Imām al-Suyūṭi menjelaskan bahawa kaedah *al-'Ādah muḥakkamah* bersumberkan hadith yang bermaksud: "Apa yang dipandang atau difikir baik oleh orang-orang Islam, maka adalah baik di sisi Allah." Terdapat sebilangan ulama' yang meragui kesahihan hadith ini, walau bagaimanapun hadith ini disebut oleh Imām Ahmad dalam *Musnadnya*. Lihat al-Suyūṭi (t.t.), *al-Asybah wa 'al-Nazā'ir*. Kaherah: Dār al-Fikr, h. 63.